



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Sinar Harian
Date	1/5/2013

Punca manifesto PR dapat sambutan

SHAH ALAM - Manifesto Pakatan Rakyat (PR) lebih diterima rakyat berbanding yang dirangka Barisan Nasional (BN) kerana ia berjaya menyentuh hati mereka termasuk dalam soal hasil mahsul negara yang jelas tidak diagihkan seadilnya.

Profesor Dr Mansor Mohd Noor berkata, sebab itu masyarakat dekat dengan manifesto PR yang lebih faham keperluan mereka.

"Hinggakan jumlah 10 peratus yang kaya ini kuasai 70 peratus harta negara.

"Jadi kita lain-lain sengih saja," katanya. Bagaimanapun menurutnya, setakat ini

“Masalah terbesar kita ialah gagal urus kekayaan negara.”

Dr Mansor

manifesto dibentang PR juga tidak mampu menyelesaikan masalah utama negara.

"Masalah terbesar kita ialah gagal urus kekayaan negara. Ini saya nampak Umno tidak faham kerana mereka parti pemerintah.

"Kedua-dua manifesto ini tidak menguruskan masalah. Ini hanya akan mem-

Sinar Harian - 1/5/2013
bankrapkan negara kerana akhirnya sumber yang ada ini terhad," katanya.

Disebabkan inilah ujarnya, kuasa rakyat begitu penting dalam menentukan kekayaan negara bukan hanya diagihkan kepada rakyat, namun pada masa yang sama digunakan bagi tujuan pembangunan negara.

"Kita sekarang hanya bazirkan sumber kita. Bagi saya, kedua-dua pihak terlibat. Ini menyebabkan kuasa rakyat lebih utama.

"Saya yakin kebijakan rakyat. Kita rugi kerana tidak tahu penyakit kita. Kita tak boleh biarkan yang kaya dan akhirnya rakyat menderita," katanya.